

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT
[LUBOK ANTU]**

TARIKH : 14 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

TUAN JUGAH ANAK MUYANG @ TAMBAT [LUBOK ANTU] minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan pertimbangan cadangan pembinaan jambatan yang menghubungkan Pekan Engkilili dengan kampung Merio Nanga kerana jambatan yang sedia ada hanya mampu dilalui motorsikal sahaja. Pembinaan jambatan ini akan memberi manfaat kepada beberapa buah rumah panjang di kawasan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jambatan Konkrit Menyeberangi Sungai Batang Ai, Engkilili Bazaar, Bahagian Sri Aman telah diluluskan di bawah Rolling Plan Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas (RP1, RMKe-12) Tahun 2021 dengan kos keseluruhan berjumlah RM16.52 juta. Skop projek ini adalah membina baru jambatan sepanjang 100 meter dengan kelebaran 12 meter. Status semasa projek ini adalah dalam proses pelantikan perunding oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak.